

Pergiat program keusahawanan sejak di bangku sekolah

FENOMENA siswazah menganggur semakin ketara khususnya pada zaman pandemik ini. Statistik dikeluarkan **Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)** menunjukkan peningkatan siswazah menganggur sebanyak 22.5 peratus menjadi 202,400 orang pada 2020 berbanding sebelumnya.

Dalam kenyataan media yang sama, DOSM mencadangkan siswazah meneroka bidang keusahawanan, selain bergantung kepada kerja makan gaji. Dalam hal ini, latihan kemahiran dan program keusahawanan yang ditawarkan pelbagai agensi kerajaan mungkin antara alternatif bagi meningkatkan prospek kebolehpasaran dan keupayaan menjana pendapatan.

Cadangan DOSM mengenai penawaran latihan keusahawanan kepada siswazah menganggur harus disambut baik oleh agensi kerajaan. Namun, ia perlu dipupuk lebih awal pada di universiti, malah amat baik jika bermula sejak peringkat sekolah menengah lagi.

Sebagai seorang pengetua sekolah menengah, saya ingin menyentuh pelaksanaan program memupuk minat dan kemahiran keusahawanan pada peringkat sekolah menengah. Mungkin ada pihak berasa gusar, di mana lagi hendak diselitkan program sebegini sedangkan jadual persekolahan sudah terlalu padat.

Perkara pertama yang harus difikirkan ialah kenapa latihan keusahawanan perlu dan apakah impak jangka panjang kepada pelajar.

Mereka harus disedarkan hakikat terdapat kebarangkalian yang tinggi tidak dapat bekerja selaras dengan kelulusan selepas bergelar siswazah. Pelajar juga perlu sedar bidang keusahawanan adalah alternatif terbaik untuk meneruskan kehidupan pada ketika itu.

Namun, seperti bidang lain, keusahawanan juga perlu dilatih kerana bidang itu sangat luas. Antara aspek berkait rapat dengan keusahawanan ialah motivasi, perancangan strategik, penghasilan produk atau perkhidmatan, jaminan kualiti, promosi, pemasaran, hubungan pelanggan serta perundangan.

Selain itu, platform digital perlu diteroka. Pelajar patut didedahkan kepada laman dagang atau pasar raya digital serta cara mengambil peluang memasarkan produk di dalamnya. Lebih canggih lagi, koperasi sekolah boleh membuka pasar raya digital yang khusus dan diurus sendiri ahli, terdiri daripada pelajar dan guru.

Aktiviti kokurikulum, terutama membabitkan kelab dan persatuan boleh disusun dengan memasukkan elemen keusahawanan. Sebagai contoh, kelab caklepong sekolah boleh mempromosikan khidmat mereka untuk majlis sekolah atau jabatan berhampiran. Ahli kelab boleh memuat naik persembahan dalam media sosial. Langkah itu mampu mengundang populariti, sekali gus menarik minat organisasi luar untuk mendapatkan khidmat mereka.

Dalam skala lebih besar, sekolah boleh melancarkan kempen satu pelajar, satu kemahiran yang boleh dikomersialkan. Pelajar memilih satu kemahiran yang diminati dan sekolah memberikan latihan sehingga ke peringkat mendapat pulangan kewangan.

Bidang pemakanan sangat bagus diterokai kerana sentiasa ada permintaan, sekali pun ketika darurat. Dedahkan pelajar jenis perniagaan sebegitu yang juga boleh dibangunkan dalam skala kecil. Misalnya menjual air balang atau kopi, burger, nasi lemak, roti canai dan takoyaki. Begitu juga dengan kemahiran lain, misalnya bermain muzik atau membuat tembikar.

Di atas semua itu, pelajar perlu didedahkan dengan kemahiran paling penting iaitu pemasaran dan promosi. Mereka perlu menguasai kemahiran mempromosi barangan dan perkhidmatan khususnya di media sosial. Kuasa tular di media sosial menyaksikan restoran di hutan pun akan diserbu manusia.

Gabungan kesedaran dan minat keusahawanan kuat, produk dan perkhidmatan berkualiti serta strategi pemasaran digital ampuh, pasti menjadi bekalan berguna untuk bakal graduan mengharungi dunia masa hadapan.

<https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2022/03/934627/pergiat-program-keusahawanan-sejak-di-bangku-sekolah>